

Hari Bersama Pelanggan UPM esok

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan mengadakan Hari Bersama Pelanggan di Bangunan Pentadbiran kampus induknya di Serdang, mulai jam 9 pagi hingga 12 tengah hari Sabtu ini.

Pegawai Komunikasi Korporatnya, Mohd Rusdy Hasan, berkata program itu bertujuan mengeratkan hubungan antara universiti dan masyarakat, selain menyebarkan maklumat mengenai universiti berkenaan.

Selain itu, katanya, ia juga bagi menyahut seruan kerajaan untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan rungutan orang ramai terhadap pentadbiran jabatan kerajaan, termasuk badan berkanun seperti universiti.

Beliau berkata, program itu juga membolehkan orang ramai mengetahui lebih lanjut mengenai pelbagai perkara, termasuk bidang pengajian serta pembayaran biasiswa, pinjaman dan kontrak.

“Selain kaunter mengenai hal-ehwal kakitangan dan perkhidmatan serta penyelidikan dan pembangunan, orang ramai juga berpeluang mendapat maklumat lain kerana Kementerian Pengangkutan turut mengadakan Hari Bertemu Pelanggan pada hari sama di universiti ini,” katanya.

Keterangan lanjut sila hubungi talian 03-8946 6014/6144/6009 atau e-mel kepada rusdy @ putra.upm.edu.my.

22 OKTOBER 2004

- BERITA HARIAN -

79